



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## MAKLUMAN GANGGUAN PERKHIDMATAN DAN APLIKASI DALAM TALIAN LHDNM

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa perkhidmatan dan aplikasi dalam talian LHDNM akan mengalami gangguan bermula dari 29 Julai 2017 (Sabtu) sehingga 30 Julai 2017 (Ahad).

Gangguan ini adalah berikutan daripada kerja-kerja menaiktaraf sistem elektrik dan sumber kuasa pusat data LHDNM untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian LHDNM kepada pelanggan.

Di antara perkhidmatan dan aplikasi dalam talian yang akan terganggu ialah Portal Rasmi LHDNM ([www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)), portal ezHASiL, portal Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan sistem mel elektronik (e-mel).

Harap maklum juga bahawa kaunter perkhidmatan LHDNM di Pusat Transformasi Bandar (UTC) akan beroperasi seperti biasa, namun perkhidmatan yang disediakan adalah terhad kepada khidmat nasihat yang tidak memerlukan akses kepada sistem dalam talian LHDNM.

LHDNM memohon maaf atas kesulitan yang bakal dihadapi oleh orang ramai dan pembayar cukai yang berurusan dengan kami sepanjang tempoh kerja-kerja menaiktaraf sistem elektrik dan sumber kuasa pusat data ini.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 27 Julai 2017.**